

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	13 October 2015

Jangan guna kartun cetus kemarahan - PM

Um - 13/10/2015

Oleh THOMAS CHONG
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 12 OKT.

DATUK Seri Najib Tun Razak berkata, kartunis tidak harus menggunakan karya mereka untuk menimbulkan kemarahan kumpulan tertentu dalam masyarakat seperti dicituskan majalah satira dari Perancis, *Charlie Hebdo*.

Perdana Menteri berkata, nabi dalam Islam dan perkara-perkara sensitif dalam agama-agama lain tidak harus dijadikan bahan dalam karya kartunis.

Beliau berkata, kartunis bagaimanapun bebas untuk menghasilkan karya mengenai politik seperti yang sedang berlaku di negara ini.

"Kalau nak lukis (kartun) politik, tidak ada had dan tiada masalah. Keadaan ini (kartun politik) dilakukan setiap masa termasuk di media

sosial," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis Anugerah Kampung Boy 2015 yang diadakan di Menara Sri Wilayah di sini malam ini untuk mengiktiraf kartunis tanah air yang menjadi penghibur, pencerita dan pengkritik sosial melalui seni lukis kartun.

Yang turut hadir, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor; Presiden Kelab Kartunis Malaysia, Mohd. Desa Omar dan kartunis terkenal, Datuk Mohammad Nor Khalid yang lebih dikenali sebagai Lat.

Najib berkata, karya oleh kartunis tempatan seperti Lat telah menyampaikan mesej mengenai keharmonian dan nilai saling menghormati dalam masyarakat.

"Datuk Lat berjaya menegangkan isu dari sudut yang mudah difahami dan diingati serta ditambahkan dengan unsur hiburan," kata

Perdana Menteri yang juga peminat kartun Lat.

Sementara itu, Najib berkata, kerajaan akan mempertimbangkan permohonan Kelab Kartunis Malaysia yang meminta sebuah Rumah Kartunis diwujudkan di negara ini.

"Rumah Kartunis boleh dijadikan destinasi kunjungan untuk menghargai gaya hidup unik di Malaysia," katanya.

Anugerah Utama Kampung Boy 2015 telah dimenangi oleh Jaafar Taib, sekali gus membawa pulang hadiah RM5,000, Sijil Simpanan Premium Bank Simpanan Nasional (BSN) bernilai RM1,000 dan trofi daripada Perdana Menteri.

Pemenang Anugerah Kampung Boy 2015 yang lain ialah Meor Shariman Meor Hassan atau Mishar (Anugerah Khas Juri), Zainal Buang Hussein (Anugerah Kartunis Legenda) dan Sabariah Jais atau Cabai (Anugerah Kartunis Terbaik).



NAJIB Tun Razak diberi penerangan oleh Mohammad Nor Khalid (Lat) sewaktu melihat dinding kemasyhuran (Wall Of Fame) lukisan karya beliau dalam Majlis Anugerah Kampung Boy 2015 di Putrajaya, malam tadi.